

**TEKS PERUTUSAN KHAS
SELAMAT HARI NATAL TAHUN 2021
DAN TAHUN BAHARU 2022
TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana sekali lagi berpeluang mengucapkan selamat menyambut Hari Natal kepada seluruh rakyat di negeri ini terutama sekali kepada mereka yang beragama Kristian. Di samping itu, dalam beberapa hari sahaja lagi kita akan meninggalkan tahun 2021 dan tahun 2022 bakal menjelang tiba. Maka dalam kesempatan ini, saya dan isteri ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2022 kepada semua lapisan rakyat jelata dan semoga ketibaan tahun baharu ini akan memberi suntikan azam yang lebih

kukuh dan semangat untuk mencapai kejayaan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

MENGERATKAN HUBUNGAN HARMONI

2. Hidup dalam norma baharu merupakan sesuatu yang kini menjadi kebiasaan kita setiap hari. Pelaksanaan Perintah kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN) - SOP Fasa 4 akibat penularan wabak COVID-19 telah mengubah norma hidup rakyat untuk lebih mengutamakan kesihatan dan keselamatan diri. Menjaga kebersihan, mengenakan pelitup muka, menjaga jarak fizikal dan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan, kini sudah menjadi kebiasaan yang harus diterima, bukan sahaja oleh masyarakat kita, malah masyarakat di seluruh dunia.

3. Kebiasaan baharu ini sudah tentu akan sedikit sebanyak mempengaruhi interaksi sosial di kalangan ahli-ahli masyarakat. Namun, ia sekali-kali tidak mengubah masyarakat untuk menjadi tidak lagi harmoni. Kita sedia maklum bahawa masyarakat yang harmoni dimulai dengan sikap bertanggungjawab, prihatin, kesatuan dalam keluarga dan seterusnya masyarakat. Dalam sebuah masyarakat majmuk dengan pelbagai kaum dan anutan agama, perpaduan dan keharmonian merupakan suatu elemen penting yang perlu sentiasa disemai. Ia menjadi kekuatan kita dalam menghadapi pelbagai cabaran, termasuklah persaingan di peringkat global. Sikap hormat-menghormati yang sudah lama wujud perlu sentiasa dikekalkan. Kita semua mempunyai peranan yang penting dalam menjaga perpaduan dan keharmonian.

4. Pandemik COVID-19 telah melanda negara sejak awal tahun lalu. Semua sektor turut menerima kesannya terutama dalam

sektor pekerjaan, pendidikan, ekonomi dan pelancongan. Namun, kita bersyukur kerana hidup dalam negara di mana kerajaan dan rakyatnya amat prihatin terhadap satu sama lain. Selain pelbagai bantuan dan pakej pemulihan ekonomi oleh kerajaan, pelbagai pihak turut tampil menghulurkan bantuan kepada mereka yang terjejas sumber pendapatan. Kita berterima kasih bukan hanya kepada pihak kerajaan, tetapi juga kepada badan-badan sukarela, badan-badan bukan kerajaan termasuklah juga individu-individu yang bermurah hati menghulur bantuan tanpa mengira fahaman agama dan etnik. Ini menunjukkan bahawa kita masih berada dalam lingkungan masyarakat yang prihatin, mementingkan kesepaduan dan keharmonian.

5. Seperti juga sambutan perayaan-perayaan masyarakat yang lain di negara ini, Perayaan Hari Natal memberi kesempatan dan peluang kepada kita untuk berbalas-balas ucap selamat di kalangan ahli keluarga, sahabat handai serta semua lapisan

masyarakat. Melalui kecanggihan teknologi dan sistem penyampaian maklumat atas talian yang pantas, ucapan salam perayaan kita sudah pasti akan lebih cepat dan meluas. Moga semua ini akan memperkukuhkan lagi hubungan kekeluargaan, persaudaraan, persahabatan dan seterusnya membentuk masyarakat yang sentiasa bersatu padu dan harmoni.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

KESEDERHANAAN

6. Konsep rumah terbuka serta kunjung-mengunjung sudah menjadi amalan hidup dan tradisi rakyat Malaysia sejak dahulu, termasuklah ketika Perayaan Hari Natal ini. Amalan ini mampu mengeratkan lagi tali silaturrahim dan perpaduan di kalangan masyarakat dan penduduk di negeri ini. Namun, pada ketika virus COVID-19 masih memberi ancaman, ditambah pula dengan

kerisauan terhadap penularan varian-varian baharu, kita perlu akur dengan apa juga nasihat atau penetapan SOP oleh kerajaan ke atas aktiviti kunjung mengunjung. Penetapan SOP sudah pasti telah mengambil kira faktor keselamatan dan kesihatan kita bersama. Saya yakin kemeriahan dalam menyambut perayaan ini akan tetap dirasai meskipun dalam suasana penuh kesederhanaan.

7. Saya juga ingin menyeru seluruh rakyat agar terus mengamalkan konsep perbelanjaan berhemah, khususnya dalam keadaan ekonomi yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Tambahan pula, bagi mereka yang mempunyai anak-anak yang masih bersekolah, perbelanjaan keluarga sudah tentulah ditumpukan kepada persiapan untuk perbelanjaan persekolahan anak-anak.

SENTIASA BERWASPADA

8. Sepertimana kita semua maklum, negeri Sabah telahpun beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada awal bulan November yang lepas. Hampir kesemua sektor telah dibenarkan untuk beroperasi bagi memulihkan ekonomi negeri dan negara susulan pencapaian dalam program imunisasi. Namun demikian, kita tidak boleh alpa, sebaliknya perlu sentiasa menjaga keselamatan diri, keluarga dan masyarakat. Kitalah yang menjadi benteng sebenar dalam mengekang penularan COVID-19. Justeru, dalam menyambut Perayaan Hari Natal, Perayaan Tahun Baharu serta pembukaan aktiviti di semua sektor, sukalah saya mengingatkan seluruh rakyat jelata supaya sentiasa beringat untuk mengambil berat tentang aspek-aspek keselamatan, patuh kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan, sama ada ketika keluar rumah, bercuti atau di mana sahaja kita berada.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

DI AMBANG TAHUN BARU

9. Kita telah menghadapi masa-masa sukar dan mencabar sepanjang hampir dua tahun ini akibat pandemik COVID-19. Cabaran ini perlu terus dihadapi dengan tekad dan semangat yang kental untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan. Tekad dan semangat yang kental ini akan memberi pengalaman berharga untuk menghadapi cabaran yang lebih besar lagi demi membangun dan memakmurkan negeri yang tercinta ini. Sementara itu, kita perlu sentiasa membuat penilaian tentang pencapaian-pencapaian, memperbaiki diri dan bermuhasabah agar dapat memperbaiki segala aspek kehidupan kita.

10. Dalam melangkah ke tahun baharu 2022, marilah kita berganding bahu dengan semangat dan komitmen yang tinggi untuk membangunkan dan memakmurkan lagi negeri yang tercinta

ini. Norma baharu mungkin banyak mengubah gaya hidup kita, namun sikap positif seperti tidak mudah mengalah perlu ada dalam jiwa setiap rakyat negeri ini untuk memastikan negeri ini terus maju jaya. Kita sedang beransur pulih dan Insya-Allah, lebih banyak kejayaan akan dikecapi jika kita optimis dan sentiasa berusaha gigih demi mencapai kejayaan yang lebih gemilang.

PENGHARGAAN KEPADA PETUGAS BARISAN HADAPAN

11. Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan, terima kasih dan tahniah kepada semua petugas barisan hadapan atas komitmen, kecekapan dan usaha-usaha yang telah dilakukan dalam menangani dan membendung penularan wabak COVID-19 di negeri ini. Mereka ini termasuklah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam, ESSCOM, Kastam Diraja Malaysia, RELA,

Pihak Berkuasa Tempatan, agensi dan petugas di peringkat Daerah, Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri, petugas-petugas program imunisasi, Pusat Operasi Pengurusan Bencana dan semua pihak yang terlibat.

12. Kita juga sedia maklum, kebanyakan mereka terpaksa berjauhan dengan keluarga ketika musim-musim perayaan seperti ini. Walau bagaimanapun, mereka sentiasa komited dalam menjalankan tugas demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat sentiasa terjaga dan terkawal. Syabas kepada mereka semua.

13. Kita berdoa semoga pandemik COVID-19 ini segera berakhir, kita dijauhkan daripada persengketaan, kejadian bencana alam dan dapat hidup aman dan sejahtera untuk menjalani aktiviti harian sama ada ketika menyambut musim perayaan mahupun pada setiap masa.

PENUTUP

14. Akhir kata, saya dan isteri serta seisi keluarga sekali lagi, mengucapkan selamat menyambut Hari Natal kepada semua rakyat yang beragama Kristian dan selamat menyambut Tahun Baharu 2022 kepada seluruh rakyat jelata di negeri ini.

Sekian, terima kasih dan salam sejahtera.